

18 AUG 2000  
Selangor-MB ' ' '  
DR MOHAMAD KHIR TOYO MB BARU SELANGOR

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Seorang muka baru politik, Dr Mohamad Khir Toyo dilantik Menteri Besar Selangor, menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Pelantikan Dr Mohamad Khir, 35, seorang doktor pergigian lulusan Universiti Malaya, diumumkan oleh Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dalam persidangan media di pejabatnya kira-kira 6.30 petang.

Khalil membacakan kenyataan akhbar tiga perenggan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pelantikan itu.

Pelantikan Dr Mohamad Khir dibuat lapan hari selepas Abu Hassan meletak jawatan atas sebab-sebab peribadi selepas memegang jawatan itu selama tiga tahun.

Dr Mohamad Khir mencipta sejarah sebagai Menteri Besar paling muda bagi Selangor, negeri yang termaju di Malaysia, di samping memeranjatkan kerana nama beliau sebelum ini tidak disenaraikan di kalangan 11 nama anggota Dewan Undangan Negeri yang dikemukakan oleh Umno Selangor kepada Dr Mahahir sebagai pengganti Abu Hassan.

Beliau juga bukan seorang anggota Majlis Mesyuarat kerajaan negeri (Exco).

Calon terkemuka yang disebut-sebut sebagai Menteri Besar yang baru ialah Timbalan Menteri Besar Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad.

Dalam kenyataan itu, Dr Mahathir berkata: "Saya telah memaklumkan perkara ini kepada Pemangku Raja Selangor dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah selaku Sultan Selangor. Duli-Duli Tuanku telah perkenan pelantikan berkenaan."

Dr Mahathir menghadap Yang di-Pertuan Agong selama sejam untuk memaklumkan nama Menteri Besar yang baru itu kepada Seri Paduka di Istana Selangor di Jalan Sultan Salahuddin di sini.

Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa Dr Mohamad Khir akan dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib selaku pengerusinya.

Dr Mohamad Khir, seorang anggota Dewan Undangan Negeri penggal pertama, memenangi kerusi Sungai Panjang pada pilihan raya umum November lepas dengan mengalahkan calon PAS, Mohd Fadzin Taslimin dengan majoriti 165 undi.

Beliau dipilih sebagai Exco Pergerakan Pemuda Umno pada pemilihan Mei lepas dan selepas itu dilantik sebagai Pengerusi Biro Hal Ehwal Agama pergerakan itu.

Apabila dihubungi Bernama di rumahnya di Sekinchan sejurus selepas pelantikan itu diumumkan, Dr Mohamad Khir berkata beliau "amat terkejut" dengan pelantikan itu dan akan bekerja bersungguh-sungguh untuk membawa Selangor ke mercu yang lebih cemerlang.

"Saya amat terkejut, first time (kali pertama sebagai wakil rakyat)...tak sangka dan saya akan memastikan harapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negeri Selangor maju pada masa akan datang dicapai," katanya.

"Keluarga saya juga amat terkejut dengan pelantikan itu," kata Dr Mohamad Khir yang mengendalikan klinik pergigiannya sejak 1991.

Menteri Besar yang baru itu berkata beliau akan meneruskan semua program kerajaan negeri yang sedia ada serta merancang yang baru bagi memastikan wawasan negeri menjadi negeri termaju menjelang tahun 2005 dicapai.

"Saya akan berusaha untuk membawa pembangunan seimbang iaitu daripada segi fizikal dan insan," katanya.

Beliau berkhidmat sebagai pegawai pergigian kerajaan selama dua tahun dengan Hospital Kajang selepas lulus dari universiti pada 1989.

Semasa di Hospital Kajang, beliau juga dipertanggungjawab untuk menyediakan rawatan pergigian kepada banduan di Penjara Kajang.

Beberapa akhbar melaporkan bahawa Dr Mahathir mahu seorang pemimpin muda yang "bebas daripada skandal" untuk jawatan itu, memandangkan dua menteri besar Selangor sebelum ini terpaksa meletak jawatan dalam tempoh tiga tahun lepas.

Peletakan jawatan Abu Hassan dibuat di tengah-tengah tersebarnya dakwaan menerusi surat layang bahawa beliau mengadakan hubungan sulit dengan adik iparnya. Abu Hassan menafikan dakwaan itu.

Menteri Besar sebelum itu, Tan Sri Muhammad Muhamad Taib, meletak jawatan selepas beliau didakwa gagal mengisytiharkan mata wang asing berjumlah RM2.7 juta ketika hendak berlepas dari lapangan terbang Brisbane selepas bercuti di Australia pada Disember 1996.

Muhammad, seorang naib presiden Umno, didakwa di sebuah mahkamah Australia tetapi dibebaskan daripada tuduhan pada 1998.

Ketika ditanya mengenai pelantikan Muhammad sebagai pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dan beliau sebagai timbalannya, Dr Mohamad Khir berkata keputusan yang dibuat oleh Dr Mahathir itu adalah satu yang paling baik.

Katanya, sebagai orang baru beliau perlu mempelajari banyak daripada segi pentadbiran negeri serta urusan parti dan pelantikan Muhammad sebagai pengerusi Badan perhubungan Umno akan memberi peluang kepadanya mempelajari selok-belok politik kerana Muhammad mempunyai banyak pengalaman bukan sahaja dalam politik tetapi juga sebagai bekas Menteri Besar Selangor.

"Saya akan bekerja dengan Tan Sri Muhammad sebagai satu pasukan untuk mengukuhkan perpaduan parti demi kebaikan ahli-ahli Umno," katanya.

Dr Mohamad Khir berkata beliau akan memberi sokongan padu kepada Muhammad.

Dr Mohamad Khir, yang tidak memegang jawatan ketua bahagian Umno, berkata beliau akan mengadakan perjumpaan dengan semua ketua bahagian parti supaya dapat bersama-sama memberi tumpuan kepada perjuangan parti untuk bangsa, agama dan negara tercapai.

"Walaupun baru, saya akan berunding dan mendapatkan maklumat balas dan berbincang hati ke hati dalam usaha saya menyatupadukan ahli-ahli Umno," kata Mohamad Khir.

Beliau berkata jika perpecahan berlaku di kalangan anggota Umno ia akan menjejaskan parti dan negara dan pada ketika itu perjuangan parti akan menjadi tidak bermakna lagi.

Dr Mohamad Khir juga menegaskan betapa pentingnya perpaduan antara kaum di negara ini dipertahankan.

"Kalau perpecahan berlaku di antara kaum di negara ini semua perjuangan negara setakat ini akan hancur dan ketika itu perjuangan akan menjadi tidak bermakna lagi," katanya

Sementara itu, isterinya, Zahrah Kechik, 35, pula berkata beliau juga terkejut dengan pelantikan suaminya sebagai Menteri Besar.

"Tak sangka-sangka benda ini...tetapi amat bersyukur di atas pelantikannya," katanya.

Zahrah, ibu kepada dua orang anak, berkata beliau akan memberikan dorongan dan semangat kepada suaminya dalam menjalankan tugas sebagai Menteri Besar.

"Saya akan turun ke padang bersama-sama suami saya untuk berjumpa dengan rakyat agar Negeri Selangor dapat menjadi negeri termaju menjelang 2005," kata Zahrah, seorang bekas ketua jururawat.

-- BERNAMA  
KM AU AKD